

Terima Dan Gagal Lapor Rasuah: Penjawat Awam Didakwa


Kegagalan melaporkan jenayah rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 25, Akta SPRM 2009 seperti maklumat berikut:

Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan

25. (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Petikan akhbar daripada fail mahkamah SPRM



FAIL MAHKAMAH

TERIMA DAN GAGAL LAPOR RASUAH : PENJAWAT AWAM DIDAKWA

Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu atas 16 pertuduhan menerima dan gagal melaporkan rasuah berjumlah RM45,000 pada tujuh dan enam tahun lalu.

Kesemua pendakwaan itu dibuat mengikut Seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Hakim Jason Juga menetapkan jaminan sebanyak RM25,000 dan sebutan semula pada 15 Februari depan.

Sumber : astro AWANI
18 Januari 2023
DISEDIAKAN : BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK

#rasuahdihinamaruahdibina

f t i y #sprmmalaysia